

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sejak awal lagi hingga sekarang masalah kesilapan tatabahasa bahasa Melayu di Malaysia masih berterusan. Malahan masalah itu kini menjadi lebih serius terutamanya dari aspek morfologi. Keadaan ini berlaku adalah ekoran daripada perkembangan bahasa yang pelbagai jenis di Malaysia. Jadi keadaan ini telah menyebabkan pihak-pihak tertentu tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap bahasa Melayu.

Didapati kesilapan penggunaan morfologi ini bukan saja kerap dilakukan oleh pelajar bukan Melayu tetapi juga melibatkan pelajar Melayu. Kekerapan kesilapan morfologi ini bukannya berlaku di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah, malahan ia turut terlibat dalam peringkat universiti.

Sungguhpun terdapat pihak yang tertentu yang menyedari tentang masalah tersebut yang biasanya ditempuhi oleh individu dalam proses mempelajari sesuatu bahasa, akan tetapi tidak ada usaha dilakukan untuk menjalani analisis itu secara mendalam dan sistematis, walaupun analisis yang rapi itu diperlukan untuk membantu proses pembelajaran bahasa. Memandangkan hal itu berlaku maka pengkaji cuba mengkaji penguasaan morfologi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong dengan cara membuat analisis kesilapan secara mendalam dan sistematis. Harapan pengkaji di sini adalah memastikan masalah ini tidak akan berlanjutan.

1.1 Hipotesis

Pelajar yang mempelajari bahasa Melayu lebih kerap melakukan kesilapan dalam aspek morfologi.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan pengkaji membuat kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah seriusnya masalah kesilapan penggunaan imbuhan dalam pembentukan kata di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong. Selain itu tujuan kajian ini adalah menyedarkan masyarakat tentang masalah kesilapan penggunaan imbuhan yang serius berlaku.

Kajian ini juga bertujuan untuk menyedarkan masyarakat Malaysia tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang semakin terancam ekoran perkembangan bahasa asing semakin yang meluas di tanah air kita terutamanya bahasa Inggeris.

Tambahan itu, analisis kesilapan ini adalah untuk melihat dengan lebih dekat dan mendalam akan taraf penguasaan bahasa Melayu dalam penulisan yang dilakukan oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong.

Analisis kesilapan ini adalah untuk membekalkan maklumat kepada para guru bahasa tentang aspek bahasa yang tidak dikuasai dengan baik oleh para pelajar. Hasil daripada maklumat itu maka para guru dapat merancang dan memberi tumpuan yang sepenuh kepada bidang yang menjadi masalah.

Analisis kesilapan bahasa ini juga dapat dijadikan panduan bagi proses pembelajaran bahasa yang kedua. Lantaran itu maka guru bahasa dapat mengenalpasti sejauhmanakah dan apakah aspek-aspek utama yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Melayu. Pendek katanya, kajian ini adalah untuk cuba mencari punca-punca yang mengakibatkan masalah tersebut berlaku.

Akhir sekali, pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk mencari jalan penyelesaian masalah tersebut atau membantu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di kalangan para pelajar.

1.3 Skop Kajian

Kajian pengkaji hanyalah terbatas kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong di Pulau Pinang. Di samping itu, data-data primari yang diperolehi oleh pengkaji adalah terhad kepada sekumpulan pelajar tingkatan lima di sekolah tersebut yang sanggup bekerjasama dengan pengkaji. Bagi aspek kesilapan morfologi ini pengkaji hanya menumpukan pada aspek imbuhan sahaja. Lebih-lebih lagi, pengkaji dalam kajian ini hanya

akan cuba mencari sebab-sebab yang mengakibatkan hal tersebut berlaku dan cara mengatasinya.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian analisis kesilapan morfologi ini boleh mewujudkan satu panduan kepada masyarakat Malaysia terutamanya para pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan tepat.

Tambahan itu, analisis ini juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada para guru bahasa dalam mengajar mata pelajaran bahasa Melayu dengan lebih mudah dan berkesan.

1.5 Penerangan Konsep

Di sini pengkaji akan menerangkan empat konsep utama, iaitu konsep bahasa, konsep morfologi, konsep kesilapan bahasa dan konsep analisis kesilapan sebelum meneruskan perbincangan yang seterusnya.

1.5.1 Konsep Bahasa

Menurut Kamus Dewan edisi baru (1992) bahasa ialah sistem lambang-lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia.

Asmah Haji Omar (1991) pula menyatakan bahasa sebagai alat komunikasi atau perhubungan antara manusia dalam kehidupan sehari-hari.

Bagi Abdullah Hassan (1980) pula bahasa dikatakan sebagai alat perhubungan yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

1.5.2 Konsep Morfologi

Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985) morfologi ialah bidang yang menghuraikan tentang morfem dan hubungan-hubungannya untuk membentuk perkataan. Dalam bahasa Melayu misalnya, morfem terbahagi kepada dua jenis yang utama, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas iaiah morfem yang boleh berdiri sendiri manakala morfem terikat ialah morfem yang tidak boleh berdiri sendiri malah terpaksa bercantum dengan morfem bebas untuk membentuk perkataan. Proses pembentukan kata ini mempunyai berbagai-bagai jenis, iaitu pengimbuhan, pengulangan dan pembentukan kata majmuk.

Morfologi ialah bidang yang membicarakan tentang pembentukan kata. Menurut Asmah Hj. Omar (1968:4) dalam tesis sarjana Md. Nawi bin Daud 1997, morfologi ialah peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem

Mengikut Tatabahasa Dewan edisi baru (1996) Morfologi bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu.

Morfologi mengikut Harimuti Krilaksana (1983:111) (dalam tesis sarjana Md Nawi bin Daud 1997) ialah bidang linguistik yang mempelajari morfem dan kombinasinya.

Morfologi dalam Kamus Dewan Edisi Baru (1989:835) dinyatakan sebagai bidang yang berkenaan dengan bentuk atau pembentukan kata.

Menurut Arpan Shahbudin Latip (1998) morfologi ialah bidang yang berkaitan dengan bentuk kata dan golongan kata.

1.5.3 Konsep Kesilapan Bahasa

Corder (1981:11) (dalam Arpan Shahbudin Latip, 1998:23) mendefinisikan kesilapan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Juriah dan rakan-rakan (1994:308) yang menyatakan kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan itu meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah.

Mengikut Bell (1981) (dalam Arpan Shahbudin Latip, 1998:23) kesilapan bahasa dimaksudkan kepada bentuk-bentuk pertuturan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa dan kesalahan ini timbul akibat daripada ketidak sempurnaan penguasaan penutur terhadap sistem bahasa itu.

Mengikut petikan (Lohanayahi Baskaran, 1984:199) kesilapan bahasa merupakan kejanggalan pengucapan atau penulisan yang tidak dapat mengambarkan keupayaan penutur dalam sesuatu bahasa itu secara menyeluruh. Kejanggalan itu amatlah ketara dalam situasi pembelajaran bahasa kedua.

Dulay, Hammersly dan rakan-rakan (1982) (dalam Arpan Shahbudin Latip 1998:23) menyatakan kesilapan bahasa merujuk kepada bentuk-bentuk yang menyalahi hukum secara

tidak sistematik akibat kelemahan pelaksanaan dan berlaku secara tidak sengaja atau kebetulan.

1.5.4 Konsep Analisis Kesilapan

Kamus Linguistik memberi istilah analisis kesilapan sebagai satu teknik untuk mengukur kemajuan pembelajaran sesuatu bahasa dengan mencatat dan mengelasifikasi kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh seseorang atau kelompok.

(Harimurti, 1983:11) (dalam Arpan Shahbudin Latip, 1998:24)

Corder (1981) menyatakan analisis kesilapan sebagai satu teknik yang boleh digunakan untuk mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan jenis-jenis kesilapan yang kerap dilakukan oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua dan mengesan punca-punca yang mengakibatkan masalah itu berlaku dan seterusnya langkah-langkah pembaikan itu dapat dicadangkan untuk mengatasi masalah tersebut.

1.6 Kajian-Kajian Terdahulu

Di sini pengkaji akan mengutarkan beberapa tinjauan atau kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji asing yang berhubung dengan aspek analisis kesilapan bahasa. Kajian kajian itu akan dikumpulkan berdasarkan bidang yang berhubung kait dengan aspek morfologi sahaja.

Kajian Nik Safiah Karim (1996) mendapati bahawa terdapat dua morfem yang utama dalam bahasa Melayu, iaitu morfem terikat (dalam bentuk imbuhan) dan morfem bebas (terdiri daripada kata dasar). Dalam kajian beliau tentang aspek morfologi ini, didapati agak sukar bagi pengguna Bahasa Melayu (baik pengguna Melayu atau bukan Melayu) dalam menguasai aspek pembentukan kata. Lantaran itu, maka timbulnya banyak kesilapan imbuhan.

Abdullah Hassan (1980) dan rakan-rakannya mendapati kesalahan penggunaan morfologi bukan sahaja dari aspek pembentukan kata. Kesalahan itu meluas juga dalam aspek kata ganti nama, ayat tanya, penanda jamak, dan sifat nama. Tambahan itu beliau turut mengkaji tentang sebab-sebab berlakunya masalah tersebut.

Manakala dalam kajian Arpan Shahbudin Latip (1998) di Brunei, mendapati kesilapan morfologi yang berlaku di sana adalah sama seperti di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa kesilapan morfologi itu merangkumi kesilapan penggunaan imbuhan, dan kesilapan jenis kata atau golongan kata. Hasil dapatannya menyatakan bahawa kelemahan pelajar dari aspek morfologi terutamanya dari segi imbuhan dan kata sendi nama adalah disebabkan oleh punca ketidakfahaman tentang fungsi dan hukum-hakam tatabahasa Melayu dan juga ketidakjelasan penerangan guru.

Kajian Ridzuan Ahmad (1981) tentang taraf penguasaan imbuhan Melayu guru-guru pelatih tahun pertama Maktab Perguruan Bahasa khususnya dalam imbuhan kata kerja, mendapati penguasaan imbuhan di kalangan pelatih Melayu tersebut adalah tidak memuaskan. Banyak kesilapan imbuhan Melayu dilakukan terutamanya imbuhan di-, ber- dan me-.

Rosniah bte Ali (1987) dalam kajiannya tentang analisis kesalahan morfologi di kalangan pelajar tingkatan 4 di Wilayah Persekutuan Labuan mendapati pelajar banyak membuat kesilapan dalam aspek imbuhan.

Raja Mukhtaruddin (1967) kajiannya ke atas mahasiswa Universiti Malaya yang belum pernah belajar bahasa Melayu standard, mendapati kesalahan banyak berlaku dalam aspek pembentukan ayat, pembentukan rangkai kata dan pengimbuhan. Namun aspek pengimbuhan menjadi masalah yang paling besar.

Selain itu, kajian AB. Rahim Mahmood (1996) mendapati dua aspek yang pelajar paling kurang menguasai ialah morfem dan pengelasan kata. Akan tetapi aspek lain seperti, kata ganda dan akronim dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar.

Koh Boh Boon (1975) kajiannya tentang pelajar bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu untuk tahap MCE, mendapati pelajar-pelajar bukan Melayu itu lemah dalam penggunaan imbuhan dalam membentuk kata kerja dan kata nama. Beliau mendapati pelajar

bukan Melayu ini banyak melakukan kesilapan ketika menggunakan imbuhan awalan, dan akhiran dalam membentuk kata kerja dan kata nama. Misalnya kesilapan kerap dikesan dalam penggunaan imbuhan meN-, di-, -i, dan -kan dalam membentuk kata nama. Namun kesilapan apitan yang digunakan untuk membentuk kata kerja juga kerap dikesan seperti imbuhan apitan pe-...-i, dan ke-...-an. Menurut beliau kesilapan ini berlaku ekoran kekeliruan yang timbul tentang pembentukan kata oleh para pelajar tersebut.

Menurut kajian Izani Haji Daud (1996) tentang kepelbagaiannya kesulitan yang dihadapi oleh para pengajar sekolah menengah (dalam tesis sarjana Mohd Kamal bin Radiman) beliau mendapati keadaan ini adalah ekoran pelajar-pelajar tidak mempunyai asas tatabahasa yang kukuh. Oleh itu pelajar berkenaan akan menghadapi masalah ketika mempelajari bahasa tersebut.

Kajian Noor Ainah Dani (1993) tentang pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Dusun yang dipetik dari petikan (Arpan Shahbuddin Latip, 1998: 32) mendapati bahawa bahasa ibunda mempengaruhi kesilapan pemakaian imbuhan terutamanya imbuhan beR-, ke-, me- dan -an (dalam Mohd Kamal Radiman, 1999: 34).

Kajian Md. Daud Taha tentang masalah penguasaan bahasa, iaitu kesilapan kata, ayat dan ejaan yang dipetik dari kajian (dalam Arpan Shahbuddin Latip, 1998:32). Hasil dari

kajian itu, beliau mendapati bahawa kesilapan imbuhan dan sendi nama paling kerap dilakukan oleh pelajar hingga mencapai 31.2%.

Namun menurut kajian Kamarudin Husin (1986) yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Melayu di kalangan guru pelatih bukan Melayu di maktab perguruan Kuala Lumpur, mendapati 70% daripada jumlah kesilapan yang dilakukan oleh para pelatih tersebut tergolongan dalam aspek ejaan, penggunaan perkataan dan pembentukan frasa.

Kajian Abdul Wahid bin Takat (1987) mendapati penguasaan proses pengimbuhan merupakan satu masalah yang serius yang dihadapi oleh pelajarnya. Beliau mendapati aspek kesilapan imbuhan merupakan kesilapan yang paling tinggi. Sebanyak 75.98% kesilapan adalah disumbangkan oleh aspek ini.

Dalam kajian Seah (1974) tentang penggunaan imbuhan bahasa Melayu, mendapati bahasa imbuhan bahasa Melayu merupakan aspek yang paling sukar untuk dikuasai oleh orang dewasa bukan Melayu yang mempelajari bahasa tersebut. Beliau mendapati kira-kira 79% kesilapan yang dilakukan oleh sampelnya adalah kesilapan imbuhan. Antara kesilapan imbuhan yang kerap dilakukan oleh sampelnya adalah seperti me-...-kan, me-...-i, me-, ber-, ber-...-kan, ter-, -an dan per-...-an (dalam Abdul Wahid bin Takat, 1987 : 45).

Seterusnya kajian Richard (1971) mendapati kesilapan yang dikajinya adalah disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Hasil kajian ini diperolehi dari usaha beliau yang

menyimpulkan kajiannya yang dibuat ke atas pelajar Jepun, Cina, Polish, Filipina, Maori, Czech, Maori, Burma dan Perancis (dalam Kadir bin Amin, 1981 :25).

Duskova (1969) mendapati kesilapan penggunaan artikel kerap dilakukan oleh pelajar Czech. Kesilapan ini diikuti pula oleh kesilapan pembentukan kata. Hasil ini adalah diperolehi kajian beliau terhadap pelajar Czech yang mempelajari bahasa Inggeris (dalam Kadir bin Amin, 1981 :25).

Kajian Skinner (1957) dalam Ab. Rahim Mahmood (1996) Tesis Sarjana, mengatakan bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku disebabkan seseorang itu tertiru dengan bentuk-bentuk bahasa yang salah. Mengikut Skinner tertiru itu membawa maksud terikut-ikut dengan perlakuan yang salah. Pendek katanya kesalahan bahasa ialah terkeluar daripada penggunaan yang baku.

Wilkins (1972) pula, kajiannya mendapati analisis kesilapan yang dilakukan terhadap pelajar adalah sesuatu yang berfaedah. Beliau menyatakan bahasa kedua pelajar mempunyai hubungan yang erat dengan bahasa pertama pelajar (dalam nota subjek Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan).

Corder (1974) menyatakan kesilapan sebagai tanda strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut.

“ Errors are not to be regarded as science or inhibition but simply

evidence of strategy of learning of the students”

Smithies dan Holzkrech (1981) kajiannya keatas 451 orang pelajar di Universiti Teknologi Papua New Guinea, mendapati pelajar universiti itu banyak melakukan kesilapan dari aspek penggunaan artikel. Kajian beliau ini juga mendapati pelajar universiti itu turut melakukan kesilapan dari aspek penggunaan kata sendi, ejaan dan kesilapan penggunaan kata jamak. Hal ini adalah berpunca dari sikap dan kelalaian mereka (dalam Abdul Wahid bin Takat 1987:45).

Chen (1973) (dalam Abdul Wahid bin Takat 1987:45) kajiannya keatas 628 orang pelajar tingkatan lima dan enam mendapati bahawa para pelajar Melayu melakukan sebanyak 14 jenis kesilapan. Antara kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar tersebut adalah seperti kesilapan ejaan, tanda bacaan, struktur ayat dan kesilapan tatabahasa. Beliau mendapati gangguan bahasa pertama merupakan punca utamanya yang menyebabkan pelajar Melayu membuat analogi dan generalisasi yang salah ketika mempelajari bahasa Inggeris. Kesilapan bahasa juga disebabkan pembelajaran yang negatif, kekurangan pengetahuan tentang penggunaan perkataan dalam bahasa Inggeris dan perubahan yang sering berlaku dalam bahasa itu sendiri.

Mengikut kajian Fraun Felder (1980), kesilapan merupakan satu manifestasi yang semulajadi dan tidak boleh dielakkan dalam proses pembelajaran bahasa. Beliau menyata-

seseorang yang mempelajari bahasa itu adalah secara *trial and error* (dalam nota Subjek Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan).

1.7 Kaedah Kajian

Pengkaji telah menggunakan dua kaedah yang utama dalam mengkaji aspek kesilapan morfologi yang dilakukan oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong di Pulau Pinang, iaitu kaedah kerja lapangan (fieldwork) dan kaedah kepustakaan. Dalam usaha mengumpul data primer, pengkaji menggunakan kaedah kerja lapangan sebagai kaedah yang utama.

Namun dalam pengumpulan data yang berkaitan dengan kajian-kajian terdahulu pula, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan. Di sini, pengkaji menggunakan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, dan Perpustakaan Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya untuk mengumpul maklumat-maklumat yang relevan dan penting yang dapat memberi panduan kepada pengkaji untuk melakukan kajian.

Dalam usaha mendapatkan maklumat primari pengkaji mengedarkan borang soal-selidik untuk diisi oleh responden-responden pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menemubual responden-responden pengkaji yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan lima yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah

Menengah Kebangsaan Jelutong Pulau Pinang. Responden-responden yang dipilih oleh pengkaji adalah terdiri dari tiga golongan etnik yang berbeza iaitu, Melayu, Cina dan India.

Tambahan itu, pengkaji juga memilih beberapa orang responden untuk ditemu bual. Tujuan temu bual ini dilakukan untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci, iaitu mengenai jenis kesilapan yang kerap dilakukan oleh mereka dan masalah yang dihadapi oleh mereka sehingga mengakibatkan hal yang sedemikian berlaku.

Bagi memperolehi maklumat yang lebih tepat pengkaji menggunakan sampel iaitu, jawapan eseи peperiksaan mata pelajaran bahasa Melayu yang ditulis oleh para pelajar sekolah tersebut. Sebanyak 30 sampel jawapan eseи peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong itu diambil oleh pengkaji. Di sini pengkaji mengambil sampel-sampel itu secara random dalam setiap kelas. Sampel-sampel jawapan eseи itu adalah terdiri dari tiga kelompok etnik pelajar yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Tajuk sampel-sampel jawapan eseи yang dikumpul oleh pengkaji itu adalah berbeza dan jumlah patah perkataan sesebuah eseи itu ialah minimumnya 350 patah perkataan. Masa penulisan eseи itu adalah terhad kepada satu jam sahaja. Contoh-contoh sampel eseи ini boleh dilihat dalam Lampiran I.

Dalam sampel ini pengkaji mengambil 10 sampel dari kelompok etnik Melayu, 10 sampel dari kelompok etnik Cina dan 10 sampel lagi dari kelompok etnik India. Sampel-sampel ini pula akan dibahagikan kepada dua kategori yang utama mengikut jantina, iaitu

lelaki dan perempuan. Pengkaji juga mendapatkan kerjasama dari pihak guru bahasa Melayu. Dengan menggunakan sampel tersebut maka pengkaji membuat analisis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar sekolah ini. Di samping itu pengkaji juga menggunakan informan dari sekolah tersebut. Antara informan pengkaji adalah terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu dan juga guru besarnya. Pengkaji turut membuat pemerhatian ketika mata pelajaran bahasa Melayu itu dijalankan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pengkaji, ialah terlebih dahulu pengkaji melakukan *pilot survey* keatas tempat sasaran kajian pengkaji dengan tujuan untuk melihat sama ada wujudnya peluang untuk mendapat kerjasama dari pelajar dan guru. Seterusnya pengkaji mensasar pada kumpulan pelajar yang terdiri dari tiga golongan etnik yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India di Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong untuk dijadikan responden.

Selepas itu pengkaji mendrafkan borang soal selidik yang berkaitan dengan jenis-jenis kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan dan sebab-sebab berlakunya masalah tersebut. Sebaik saja mendrafkan borang soal selidik itu dan disahkan jelas iaitu, bebas dari soalan-soalan *double-barrel* dan kabur, maka borang itu diserahkan kepada responden-responden pengkaji. Akhir sekali pengkaji menggunakan perpustakaan yang terdapat di Universiti Malaya bagi menggumpul data kajian-kajian terdahulu.

1.8 Masalah Semasa Kajian

Dalam menyiapkan kertas penyelidikan ini, pengkaji menghadapi beberapa kesulitan. Salah satu perkara yang menyulitkan pengkaji dalam melakukan kajian ini ialah kesukaran mendapat keterangan yang benar dari pelajar sekolah ini, terutamanya berkenaan dengan latar belakang mereka. Pengkaji mendapati pelajar-pelajar sekolah itu seolah-olah mahu merasiahkan hal-hal tersebut dari pengetahuan pengkaji.

Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan pelajar takut rasiah mereka diketahui ramai. Memandangkan hal ini pengkaji terpaksa menyakinkan mereka bahawa maklumat sulit mereka itu tidak akan didedahkan kepada orang ramai dan hanya digunakan untuk tujuan kajian.

Selain itu, pengkaji juga menghadapi kesukaran untuk bertemu dengan sesetengah informan terutamanya guru bahasa sekolah ini. Perkara ini menjadi masalah yang besar kepada pengkaji. Pengkaji terpaksa menangguh beberapa kerja yang telah dirancang sebelum ini. Hal ini terjadi kerana informan berkenaan asyik sibuk dengan kerjanya yang banyak.

Tambahan itu, pengkaji juga menghadapi kesulitan untuk mendapat kebenaran untuk membuat pemerhatian di dalam kelas ketika guru mereka mengajar matapelajaran bahasa Melayu. Dalam hal ini pengkaji terpaksa menyakinkan guru bahasa itu bahawa pemerhatian

yang dilakukan oleh pengkaji lebih menumpu pada pelajarnya dan bukan guru. Hal ini kerana para guru itu takut pengkaji melaporkan kepada pengetuanya sekiranya cara pengajaran mereka adalah tidak sesuai.